



ANTARA ribuan orang ramai yang hadir di majlis perasmian kempen pembersihan sungai dan pesta air di Klang, Sabtu lalu.



JET ski salah satu acara yang dipertandingkan dalam Pesta Air 2006 di Taman Pengkalan Batu, Klang, Sabtu lalu.

# Rakyat sokong bersih sungai

Oleh NURUL IZZA ROSLY  
 izza@kosmo.com.my

KLANG - Lebih 2,000 warga Klang mbanjiri Taman Pengkalan Batu, Jalan Tepi Sungai di sini seawal pukul 7 pagi di sini Sabtu lalu sempena Program Kempen Pembersihan Sungai Klang dan Sukan Air 2006 yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Pelbagai aktiviti menarik perhatian pengunjung yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat

dan peringkat umur.

Menurut seorang guru, S. Kirubalini, 42, berkata, program seumpama itu bagus kerana ia mampu memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan menjaga kebersihan sungai.

“Secara tidak langsung ia dapat mendidik para pelajar yang turut hadir dan terus dijadikan amalan setiap hari,” katanya ketika ditemui **KOSMO!**

Menurutnya, selain itu, langkah yang diadakan oleh MPK mampu

menarik perhatian orang ramai supaya menghargai kepentingan sungai.

Lebih-lebih lagi, katanya, dalam senario sekarang di mana sungai dan sumber air kerap dijadikan ‘tong sampah’ oleh masyarakat.

Sementara itu, Hafizan Shariat, 43, pula mencadangkan agar program seperti itu dijalankan setiap bulan agar orang ramai sentiasa ingat kewajipan mereka menjaga kebersihan sungai.

“Jika diadakan secara lebih kerap,

sasaran mendidik masyarakat terutama generasi muda akan kepentingan menjaga kebersihan sungai dapat disebar secara lebih luas.

“Kita tidak mahu lagi sikap tidak menghargai sungai terus dijadikan budaya seterusnya memberi bencana yang lebih teruk seperti gangguan bekalan air dan ekosistem,” jelasnya.

Dalam pada itu, antara aktiviti yang diadakan adalah seperti pertandingan memancing, mewarna,

melukis dan memasak.

Selain itu juga turut diadakan acara sukan air seperti pertandingan bot kawalan jauh, jet ski dan sampan sangkut.

Program tersebut dirasmikan oleh Exco Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Abdul Rahman Palil yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Sementa.

Beliau mewakili Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam Selangor, Datuk Abdul Fatah Iskandar.